

Hakim halang pembela kemuka keterangan: Peguam

BH - 2 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu — Mahkamah Rayuan di sini hari ini diberitahu, hakim perbicaraan kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak sepatutnya menghalang pembela daripada mengemukakan keterangan berhubung kerelaan Ummi Hafilda Ali membuatakuan bersumpah.

Peguam bela Anwar, Gurbachan Singh berhujah keputu-

san hakim itu menggunakan Seksyen 126 Akta Keterangan bagi menghalang saksi pembela. Nor Azman Abdullah @ Baginda memberi keterangan mengenai Ummi Hafilda menyebabkan Anwar tidak mendapat keadilan sepenuhnya.

Katanya, Nor Azman mengaku mengikut Ummi Hafilda menemui seorang peguam untuk

membuatakuan bersumpah berhubung penafian Ummi Hafilda dalam pencerbitan buku bertajuk: 'SO Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM'.

Gurbachan berkata, keputusan hakim itu menyebabkan pembela tidak dapat membuktikan bahawa Ummi Hafilda membuatakuan bersumpah itu secara sukarela dan bukan dipaksa seperti yang didakwa.

"Keputusan hakim itu benar-benar mengejutkan kami, pada satu ketika beliau meminta pembela membuktikanakuan itu dibuat secara sukarela tetapi pada masa yang sama tidak membenarkan saksi kami membuktikannya atas alasan tidak mempunyai kaitan dan terikat dengan Seksyen 126," katanya.

Sebelum itu,

Gurbachan berhujah hakim perbicaraan melakukan kesalahan apabila tidak mengambil kira kegagalan pendakwa memanggil Perdana Menteri. Datuk Seri. Dr Mahathir Mohamad, untuk memberi keterangan.

Katanya, keterangan Perdana Menteri penting dalam kes itu bagi menyangkal keraguan mengenai surat yang dihantar oleh Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, pembela tetap dengan pendiriannya bahawa surat yang dijadikan barang kes dalam kes itu bukan surat asal yang dihantar oleh Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri.

Katanya, surat asal itu yang pendek dan tidak keras kandungannya seperti barang kes itu sudah dimusnahkan oleh Setiausaha Sulit Anwar, Mohd Azmin Ali atas arahan Anwar.

Gurbachan berkata Anwar mengarahkan surat asal itu dimusnahkan selepas mendengar nasihat Perdana Menteri.

Sehubungan itu, katanya, hingga hari ini surat yang dijadikan barang kes itu masih diragui dan mahkamah perlu mengambil kira kegagalan pendakwa memanggil Perdana Menteri untuk menjelaskan keraguan itu.

Sementara itu, mahkamah akan membuat keputusan esok berhubung permohonan Anwar supaya salah seorang panel hakim Mahkamah Rayuan menarik diri daripada mendengar rayuannya.

Rayuan itu didengar oleh tiga panel hakim Mahkamah Rayuan yang diketuai oleh Presidennya, Tan Sri Lamin Yunus serta Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Datuk Moktar Sidin.

Anwar yang hadir di mahkamah diwakili oleh peguam bela

Raja Aziz, Christopher Fernando, Gurbachan, Pawancheek Marican, S N Nair dan Zulkifli Nordin.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya (TKPR), Datuk Abdul Gani Patail mengetuai pasukan pendakwa dan dibantu oleh TKPR Datuk Arahah Mohamed dan Yusoff Zainal Abiden serta Timbalan Pendakwa Raya, Tun Majid Tun Hamzah; Nordin Hassan dan Shamsul Sulaiman.

Anwar, 52, merayu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk S Augustine Paul yang mendapatinya bersalah pada 14 April tahun lalu atas empat tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970.

Paul menjatuhkan hukuman penjara enam tahun terhadap Anwar bagi setiap empat tuduhan rasuah itu dan memerintahkan hukuman itu dijalankan serentak berkuat kuasa pada hari itu.

Anwar kemudian terus menjalani hukuman penjara enam tahun itu selepas Paul menolak permohonan untuk dilepaskan dengan jaminan serta perintah penangguhan pelaksanaan hukuman berkenaan sementara menunggu keputusan terhadap rayuannya di Mahkamah Rayuan.

Selain merayu sabitan dan hukuman itu, Anwar mengemukakan rayuan terhadap keputusan Paul menolak bantahan awalnya bahawa tuduhan mengikut Seksyen 2(1) Ordinan 22 tidak sah kerana undang-undang berkenaan sudah dimansuhkan oleh Parlimen.

Anwar juga mengemukakan rayuan terhadap keputusan Paul menolak permohonannya supaya Abdul Gani dan Azahar dihalang daripada meneruskan pendakwaan kes rasuah itu.

Perbicaraan bersambung esok.